

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA TAHUN 2026**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
SELASA, 27 RAMADAN 1447H BERSAMAAN 17 MAC 2026M**

PJL06/01/2026

1

No. Soalan: PL021

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERTHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI
BIN HAJI MOMIN**

TARIKH : **17.03.2026 [SELASA]**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam mengongsikan data saringan mengenai penyakit kanser termasuk data perubahan di peringkat pengesanan kepada orang ramai bagi meningkatkan kesedaran dan menggalakkan pengesanan yang lebih awal.

JAWAPAN:

Kementerian Kesihatan komited untuk meningkatkan kesedaran dan penyertaan orang ramai dalam program saringan kanser. Kita sedia maklum bahawa pengesanan awal memberikan peluang rawatan yang lebih berkesan serta hasil kesihatan yang lebih positif.

Untuk makluman, data saringan yang dikumpul secara rutin pada masa ini adalah kadar penyertaan dalam kalangan populasi sasaran. Sebagai contoh, bagi tahun 2025:

- Saringan kanser serviks mencatatkan 9,066 penyertaan, peningkatan 71% berbanding tahun sebelumnya.
- Saringan kanser payudara mencatatkan 2,640 penyertaan, peningkatan 21%.
- Saringan kanser kolorektal mencatatkan 513 penyertaan, iaitu peningkatan dua kali ganda.

Data ini dikongsikan melalui laporan tahunan, infografik dan aktiviti jangkauan masyarakat bagi meningkatkan kefahaman orang ramai mengenai kepentingan menjalani saringan secara berkala.

Berhubung dengan data peringkat pengesanan atau staging, perkara ini sedang diperkukuh melalui pembangunan dan penambahbaikan *Cancer Registry* negara.

Perancangan Kementerian adalah untuk mengintegrasikan data saringan dengan data klinikal, termasuk maklumat peringkat diagnosis. Dengan pendekatan ini, kita dapat menilai sejauh mana program saringan menyumbang kepada pengesanan awal kanser.

Secara keseluruhannya, hala tuju Kementerian adalah jelas:

- Pertama, meningkatkan penyertaan saringan dalam kalangan rakyat;
- Kedua, memperkukuh sistem pengurusan data termasuk *Cancer Registry*; dan
- Ketiga, membolehkan analisis yang lebih mendalam termasuk penilaian peringkat kanser semasa pengesanan.

Selain itu, sejak awal tahun 2025, semua program saringan kanser di bawah Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan telah dimasukkan ke dalam aplikasi BruHealth. Ini memudahkan rakyat untuk mendaftar dan menempah perjanjian bagi saringan kanser serviks, payudara dan kolorektal.

Program ini juga dilaksanakan melalui kerjasama strategik dengan *Early Detection and Cancer Prevention Services* di Jerudong Park Medical Centre.

Pendekatan awam dan swasta yang saling melengkapi ini memperluas akses, memudahkan rujukan serta memastikan kesinambungan penjagaan. InsyaAllah, usaha bersepadu ini akan terus meningkatkan kadar penyertaan saringan dan memperkukuh pengesanan awal kanser demi kesejahteraan rakyat.

No. Soalan: PL142

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF**

TARIKH : **17.03.2026 [SELASA]**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan dan tindakan terkini dalam pemuliharaan infrastruktur asasi di hospital dan pusat kesihatan yang dilaksanakan, selaras dengan usaha transformasi digital BruHealth 5.0?

JAWAPAN:

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan sedang melaksanakan usaha pemuliharaan dan penyelenggaraan infrastruktur asas di hospital dan pusat kesihatan secara berterusan. Ini termasuk kerja-kerja penyelenggaraan berskala besar yang penting untuk memastikan fasiliti kesihatan terus beroperasi dengan selamat dan berkesan. Sebahagian infrastruktur sedia ada sedang dinaiktaraf supaya penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada orang ramai dapat dikekalkan dengan lancar.

Dalam masa yang sama, Kementerian turut memacu transformasi digital melalui inisiatif BruHealth 5.0. Pendekatan ini mencerminkan hala tuju masa depan perkhidmatan kesihatan, di mana orang ramai dapat mengakses perkhidmatan dengan lebih mudah dan pantas, tanpa perlu melalui proses yang rumit atau perjalanan yang kerap ke fasiliti kesihatan bagi perkhidmatan tertentu.

Tumpuan Kementerian adalah jelas: memperkukuh infrastruktur fizikal sedia ada sambil membangunkan ekosistem kesihatan digital yang moden, cekap dan berfokus kepada pesakit.

Selain rancangan menambah pusat kesihatan baharu, usaha besar juga dilaksanakan untuk menaik taraf pusat kesihatan yang sedia ada. Kementerian memberi perhatian kepada latihan tenaga kerja yang bertanggungjawab menyelenggarakan bangunan, supaya penyelenggaraan dilakukan mengikut piawai antarabangsa dan sentiasa proaktif dalam memastikan fasiliti berada dalam keadaan terbaik.

InsyaAllah, dengan gabungan pemeliharaan infrastruktur fizikal dan transformasi digital BruHealth 5.0, sistem kesihatan negara akan lebih kukuh, moden dan responsif terhadap keperluan rakyat.

No. Soalan: PL055

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK**

TARIKH : **17.03.2026 [SELASA]**

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan jika terdapat penilaian Kementerian terhadap peralihan bakat tempatan ke sektor kurang produktif atau keluar daripada bidang kepakaran asal walaupun berkelayakan tinggi? Bagaimanakah dasar pasaran buruh boleh memastikan bakat tenaga kerja kekal berkualiti tinggi dalam sektor strategik negara?

JAWAPAN:

Dalam hal ini, adalah diakui bahawa peralihan bakat daripada bidang kepakaran asal adalah sesuatu yang lumrah dalam pasaran kerja yang dinamik, termasuk di Negara Brunei Darussalam. Situasi ini bukan kelemahan, sebaliknya ia memberi nilai tambah strategik kepada perancangan tenaga manusia negara.

Peralihan ke bidang lain tidak semestinya menunjukkan ketidaksesuaian. Ia mencerminkan fleksibiliti dan ketangkasan bakat tempatan, yang sanggup menyesuaikan diri dengan peluang industry, khususnya dalam keadaan pasaran kerja yang semakin dinamik dari segi jenis dan ketersediaan pekerjaan, sejajar dengan perubahan teknologi seperti *Artificial Intelligence* (AI). Selain kelayakan akademik, pengisian jawatan kini turut menilai kemahiran praktikal, pengalaman luas, dan modal sosial yang mana adalah semua elemen penting bagi memastikan keberkesanan sektor masing-masing.

Data terkini dari *Graduate Employment Survey 2023* mencatatkan kadar *job relevance* graduan adalah pada kadar 56.9 peratus. Ini jelas memerlukan strategi penempatan bakat yang lebih tepat dan berkesan, agar tenaga kerja di negara ini selari dengan keperluan industri masa depan.

Dalam konteks ini, *Manpower Industry Steering Committee* (MISC) di bawah Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPEC) telah meneliti dan menyelaraskan dasar dan program pembangunan tenaga kerja. Matlamatnya jelas untuk memastikan bakat tempatan kekal berkualiti tinggi, relevan, dan berdaya saing dalam sektor strategik negara, sebagai haluan pembelajaran sepanjang hayat (*life-long learning*).

Sejak Ogos 2025, MISC menumpukan perhatian kepada enam (6) sektor strategik utama, iaitu:

- Tenaga
- Pembinaan
- Pengangkutan dan Logistik
- Hospitaliti dan Pelancongan
- Info-Komunikasi dan Teknologi
- Permakanan (baharu)

Penekanan ini adalah selaras dengan *Economic Blueprint*, dalam memastikan bakat tempatan terus diperkasa, relevan, dan mendukung pembangunan sektor kritikal negara. Dengan langkah ini, negara ini bukan sahaja mengekalkan tenaga kerja berkualiti tinggi serta membolehkan pekerja untuk menjadi lebih *versatile* dalam menyesuaikan diri kepada keperluan industri, malah memperkukuh daya saing negara di peringkat serantau dan global.

No. Soalan: PL018

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN**

TARIKH : **17.03.2026 [SELASA]**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam penyediaan garis panduan standard minimum bagi perkhidmatan yang ditawarkan klinik swasta bagi Orang Kurang Upaya (OKU) termasuk saringan dan penilaian awal, diagnostik, intervensi pembelajaran dan sokongan kesihatan mental, sebagai rujukan am dan panduan untuk ibu bapa dan penjaga?

JAWAPAN:

Secara umum, fasiliti dan pengoperasian klinik swasta adalah di bawah pemantauan *Private Healthcare Institution Unit*. Dari segi kredibiliti profesional pula, pengamal kesihatan bersekutu tertakluk kepada Akta Profesion Kesihatan Bersekutu Brunei Darussalam, Penggal 221. Di bawah akta ini, Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu diberi mandat untuk mengawal selia 19 profesion kesihatan bersekutu dan memastikan hanya pengamal yang berdaftar serta mempunyai sijil amalan tahunan dibenarkan berkhidmat.

Akta tersebut juga memperuntukkan tindakan terhadap mana-mana individu atau entiti yang menyamar sebagai profesional berkelayakan atau menggunakan gelaran yang dikawal selia tanpa pendaftaran sah. Hukuman denda atau penjara boleh dikenakan, dan ini memastikan pusat intervensi tidak beroperasi tanpa pengesahan profesional yang sah.

Pada masa ini, Kementerian belum mengeluarkan garis panduan khusus yang berasingan bagi perkhidmatan klinik swasta untuk Orang Kelainan Upaya. Walau bagaimanapun, pengamal perubatan yang merawat pesakit OKU bertanggungjawab menilai dan menangani keperluan khusus pesakit secara profesional dan beretika, selaras dengan standard amalan klinikal. Pesakit OKU berhak menerima layanan setara dengan penyesuaian munasabah berdasarkan keadaan dan keperluan individu.

Dari segi kemudahan fizikal dan infrastruktur, klinik swasta tertakluk kepada peraturan bangunan dan keperluan aksesibiliti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan, termasuk Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan.

Kementerian akan terus menggalakkan penyedia perkhidmatan kesihatan, termasuk sektor swasta, untuk memastikan persekitaran yang inklusif dan mesra OKU, selaras dengan komitmen negara ke arah akses kesihatan yang saksama untuk semua.

Setakat ini, belum ada perancangan untuk melakar garis panduan standard minimum yang memuatkan aspek sokongan kesihatan mental sebagai rujukan am untuk ibu bapa dan penjaga. Namun, Kementerian mengambil baik cadangan ini dan InsyaAllah akan meneliti perancangan masa depan bagi memperkukuh sokongan kepada golongan OKU.

No. Soalan: PL019

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN**

TARIKH : **17.03.2026 [SELASA]**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Jabatan Tenaga dalam memastikan syarikat-syarikat projek haluan (*upstream*) yang baharu akan memastikan anak tempatan turut serta dalam membina keupayaan mereka dalam pelbagai bidang, termasuk teknikal inovasi, komersial, digital, kemahiran data, automasi dan kecerdasan buatan, yang akan anak tempatan menjadi pemilik teknikal dan pembuat keputusan.

JAWAPAN:

Kerajaan melalui Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri komited memastikan pembangunan industri hulu negara terus kukuh bagi menjamin keterjaminan tenaga, kesinambungan pengeluaran minyak dan gas serta daya tahan ekonomi negara dalam jangka panjang.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, landskap industri hulu negara menunjukkan perkembangan positif dengan kemasukan serta pengembangan penyertaan pengendali baharu termasuk Syarikat Hibiscus Petroleum Berhad dan Syarikat EnQuest EP BV Limited. Dalam tempoh lima ke sepuluh tahun akan datang, negara menasaskan lebih banyak penyertaan pengendali baharu, dengan potensi lebih sepuluh pengendali beroperasi di negara ini. Seiring dengan kematangan sebahagian lapangan sedia ada, pembangunan industri hulu negara kini turut tertumpu kepada kawasan *frontier*, termasuk penerokaan di perairan yang lebih dalam serta potensi penggunaan teknologi *Enhanced Oil Recovery* (EOR) bagi memaksimumkan pengeluaran daripada lapangan matang. Perkembangan ini memerlukan kompetensi dan kemahiran baharu dalam bidang teknikal, digital, analisis data serta inovasi teknologi tenaga.

Dalam hal ini, Jabatan Tenaga memastikan setiap perkembangan projek hulu turut berfungsi sebagai platform pembangunan kapasiti anak tempatan, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi serta mampu menjadi pemilik teknikal dan pembuat keputusan dalam industri tenaga.

Bagi tujuan tersebut, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri telah menguatkuasakan Arahan *Bruneianisation* semenjak tahun 2018 sebagai instrumen dasar utama bagi memastikan pembangunan tenaga kerja tempatan dilaksanakan secara sistematik. Arahan ini mewajibkan syarikat pengendali menyediakan pelan pengambilan, pembangunan bakat, pelan penggantian serta strategi lokalisasi yang jelas, dengan sasaran jangka panjang mencapai sekurang-kurangnya 90 peratus tenaga kerja warga tempatan merentas pelbagai peringkat kemahiran. Penekanan turut diberikan kepada pengisian jawatan strategik dan kritikal bagi memastikan pemindahan kepakaran berlaku secara progresif dan terancang, yang kini menyaksikan peningkatan profesional tempatan memegang jawatan kepimpinan seperti Pengarah Kewangan dan Pengarah Teknikal dalam operasi hulu. Di samping itu, pembangunan tenaga kerja tempatan turut diperkukuhkan melalui peruntukan dalam *Production Sharing Agreement* (PSA) yang mewajibkan syarikat pengendali melaksanakan program latihan, pembangunan kompetensi, pemindahan teknologi serta pembangunan kepimpinan bagi menyediakan anak tempatan memikul peranan teknikal, komersial dan pengurusan.

Pada masa yang sama, pembangunan kapasiti tempatan turut diperkukuhkan melalui pelaksanaan Arahan Pembangunan Perniagaan Tempatan (LBD) yang menggalakkan penyertaan syarikat tempatan dalam rantai nilai industri minyak dan gas serta membuka ruang pemindahan teknologi dan kepakaran kepada tenaga kerja tempatan.

Usaha ini turut disokong melalui *Manpower Industry Steering Committee* (MISC) – *Energy*, yang menyelaras perancangan tenaga kerja antara kerajaan, industri dan institusi pendidikan bagi memastikan pembangunan kemahiran selari dengan keperluan masa hadapan sektor tenaga. Melalui penyelarasan ini, jurang kemahiran dapat dikenal pasti lebih awal, piawai kompetensi dapat ditetapkan secara konsisten, dan intervensi pembangunan bakat dapat dilaksanakan secara tersasar.

Secara keseluruhannya, langkah-langkah ini memastikan perkembangan industri hulu negara akan memperkukuhkan pembangunan kepakaran anak tempatan secara berterusan. Pendekatan ini akan meningkatkan nilai tambah dalam negeri serta memastikan pembangunan sektor tenaga negara terus dipacu oleh kepimpinan, kepakaran dan keupayaan anak tempatan.

No. Soalan: PL046

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERTHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED**

TARIKH : **17.03.2026 [SELASA]**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan dalam menangani isu *underemployment* dan pengangguran jangka panjang dalam kalangan rakyat tempatan yang berkelayakan yang telah lama berada di luar pasaran kerja? Apakah pendekatan bagi memulihkan kebolehpasaran, keyakinan majikan serta integrasi semula kumpulan ini ke dalam ekonomi?

JAWAPAN:

Terlebih dahulu, Kaola ingin menjelaskan bahawa Kerajaan sememangnya memandang serius isu *underemployment* dan pengangguran jangka panjang dalam kalangan rakyat yang berkelayakan, khususnya mereka yang telah lama berada di luar pasaran pekerjaan.

Untuk membantu Kerajaan menangani isu-isu berkenaan, Pusat Kajian Strategik dan Dasar (CSPS) telah ditugaskan oleh Kerajaan untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam bagi mengenal pasti punca-punca pengangguran termasuk *underemployment* dan pengangguran jangka panjang, pada tahun 2025. Fasa pertama kajian ini telah pun dilaksanakan dan dijangka akan dimuktamadkan pada tahun ini. Dapatan awal daripada kajian berkenaan menunjukkan bahawa antara faktor utama yang dikenal pasti menyumbang kepada isu *underemployment* dan pengangguran jangka panjang ialah ketidakpadanan kemahiran atau *skills match* antara kelayakan pencari kerja dengan peluang pekerjaan yang tersedia di pasaran.

Selain daripada itu, perbezaan kadar gaji antara sektor Kerajaan dan sektor swasta juga dikenal pasti sebagai salah satu faktor yang boleh mempengaruhi kecenderungan anak tempatan untuk memilih pekerjaan di sektor Kerajaan.

Di samping itu, faktor lain yang turut menyumbang termasuk kekurangan pengalaman pekerjaan dan tahap kesedaran yang masih rendah dalam kalangan pencari kerja untuk menyertai program peningkatan kemahiran seperti *upskilling*, *reskilling* dan *multi-skilling*.

Bagi menangani cabaran-cabaran ini, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan beberapa langkah yang bersasar.

Pertama, pelaksanaan *Salary Guideline* bagi 22 *job family* yang merangkumi 100 jawatan, sebagai rujukan kepada majikan sektor swasta dalam menetapkan kadar gaji yang bersesuaian dan membantu pencari kerja memahami nilai pasaran pekerjaan.

Kedua, penguatkuasaan Perintah Pekerjaan (Upah Minimum) dalam tujuh industri, bagi memastikan dan mengimbangi taraf hidup pekerja, selaras dengan amalan terbaik di peringkat serantau dan antarabangsa.

Ketiga, melalui Pusat Pekerjaan Brunei, pelbagai inisiatif peningkatan kebolehpasaran terus dipergiatkan, termasuk kursus jangka pendek di bawah Program *SkillsPlus* dan Program Insaniah, program pensijilan profesional seperti *SPIN in Accountancy*, serta program peningkatan kompetensi dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang dibiayai oleh Kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2025, sebanyak 41 kursus jangka pendek telah dilaksanakan dengan penyertaan seramai 876 orang peserta.

Selain itu, pendekatan yang lebih bersasar turut dilaksanakan melalui *career coaching*, pepadanan pekerjaan berdasarkan kemahiran praktikal, serta penilaian jurang kemahiran secara individu, bagi membolehkan pelan tindakan kerjaya yang lebih terarah dibangunkan bagi setiap pencari kerja.

Dalam masa yang sama, dapatan kajian berkaitan keperluan majikan turut dikongsikan dengan institusi pengajian dan latihan bagi membolehkan penambahbaikan kurikulum dan program latihan, agar lebih sejajar dengan kehendak industri semasa.

Sebagai penutup, Kerajaan akan terus bekerjasama rapat dengan pihak industri serta semua pihak berkepentingan bagi memastikan perancangan tenaga kerja negara sentiasa selaras dengan keperluan ekonomi, sama ada bagi jangka masa terdekat mahupun jangka masa panjang.

Insyallah, melalui pendekatan yang lebih bersepadu ini, usaha untuk meningkatkan kebolehpasaran anak tempatan serta keyakinan majikan terhadap tenaga kerja tempatan akan dapat terus diperkukuhkan.

No. Soalan: PL058

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN**

TARIKH : **17.03.2026 [SELASA]**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan jika Jabatan Perdana Menteri mempunyai unjuran (*projections*) tentang jumlah dan bidang pekerjaan yang bakal diwujudkan di tahun menjelang 2035?

JAWAPAN:

Dalam hal ini, menjelang tahun 2035, jumlah penduduk yang bekerja dijangka 265,700 orang, iaitu pertambahan lebih 40,000 peluang pekerjaan berbanding kedudukan semasa. Unjuran ini adalah berasaskan andaian makro berkaitan demografi, pasaran buruh, dan pertumbuhan ekonomi di bawah *Economic Blueprint*. Insha Allah pertambahan ini disokong melalui perkara-perkara berikut:

- Pertama, Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment – FDI*) berpotensi mewujudkan peluang pekerjaan bagi anak tempatan, melebihi kapasiti yang mampu dijana oleh ekonomi negara pada masa ini. Sepertimana juga Kaola telah dikongsikan semasa hari ke-3 permesyuaratan, Insha Allah, 18 projek pelaburan yang kini dalam fasa pelaksanaan dijangka akan mewujudkan kira-kira 3,000 peluang pekerjaan apabila beroperasi sepenuhnya;
- Kedua, kesan limpahan atau *spin-offs* daripada projek- projek pelaburan ini juga dijangka mewujudkan peluang pekerjaan tambahan berdasarkan pengganda pekerjaan (atau *employment multiplier*). Walau bagaimanapun, tahap kesan limpahan ini bergantung kepada jenis sektor, tahap penggunaan teknologi dan automasi, serta penglibatan perusahaan tempatan dalam rantai bekalan. Secara amnya, projek berintensifkan teknologi seperti sektor hiliran petrokimia dan tenaga cenderung menjana kesan limpahan yang lebih sederhana, manakala sektor yang lebih berintensifkan tenaga kerja seperti akuakultur, pemprosesan makanan laut berpotensi mewujudkan kesan limpahan yang lebih tinggi melalui rantai bekalan seperti bekalan makanan ternakan, logistik rantai sejuk, pembungkusan, pengedaran serta penglibatan perusahaan mikro, kecil, dan sederhana (MSME); dan

-
- Ketiga, pengukuhan *localisation* melalui dasar dan penambahbaikan pengambilan pekerja dengan memastikan jawatan yang sesuai diutamakan untuk anak tempatan sebelum pengambilan pekerja asing. Pendekatan ini adalah sebagai strategi untuk meningkatkan peluang pekerjaan melalui *responsible foreign worker displacement*, seiring dengan keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi, kelangsungan operasi perniagaan, dan peluang pekerjaan bagi anak tempatan.

Dari aspek jenis pekerjaan, pelbagai jenis pekerjaan dijangka akan diperlukan dalam kalangan profesional, juruteknik, pengurusan, operator, dan pekerja perkhidmatan di dalam bidang-bidang keutamaan seperti sektor hiliran, pemakanan, perkhidmatan, dan pelancongan.

Oleh yang demikian, dalam memastikan penyediaan tenaga kerja yang bersesuaian, Jabatan Perdana Menteri melalui Pejabat Perancangan Tenaga Manusia (PPTM) akan terus bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan serta institusi pengajian tinggi dan latihan bagi memastikan anak tempatan memiliki kualiti kemahiran, kebolehan dan pengalaman yang relevan untuk meraih peluang pekerjaan yang disediakan menjelang 2035.

No. Soalan: PL025

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERTHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN**

TARIKH : **17.03.2026 [SELASA]**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan status perancangan sektor pelancongan negara dalam menampung perubahan struktur ketibaan pelancongan, mengambilkira data ketibaan pelancong udara 2024 adalah pelawat bercuti dan melawat keluarga adalah melebihi 60% dari jumlah ketibaan.

JAWAPAN:

Berdasarkan data terkini bagi tahun 2025, jumlah ketibaan pelancong ke Negara Brunei Darussalam adalah sekitar 763,375 orang iaitu meningkat sekitar 13 peratus dari tahun 2024, dengan majoriti ketibaan udara masih terdiri daripada pelawat yang datang untuk bercuti dan juga melawat keluarga serta rakan (VFR). Corak ini adalah selari dengan dapatan tahun 2024 di mana lebih 60% ketibaan udara berada dalam segmen tersebut.

Sehubungan itu, perancangan pembangunan sektor pelancongan negara telah disusun secara strategik melalui *Tourism Industry Roadmap*, di mana pada masa ini Negara Brunei Darussalam berada dalam Fasa Kedua pembangunan industri pelancongan, yang memberi tumpuan kepada menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah destinasi ekopelancongan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa bagi amalan pelancongan lestari.

Mengambil kira struktur ketibaan pelancong tersebut, Kementerian melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan telah menyesuaikan pendekatan pembangunan sektor melalui beberapa strategi utama.

Pertama, penyesuaian strategi pemasaran dan pembangunan produk pelancongan.

Dengan dominasi segmen percutian dan VFR, tumpuan diberikan kepada pembangunan produk berasaskan pengalaman seperti ekopelancongan, warisan budaya dan pelancongan komuniti. Inisiatif seperti *Brunei Gastronomy Festival*, *Brunei Coffee Trail*, *Brunei December Festival* dan *MYCE Conference* dilaksanakan bagi memperkaya pengalaman pelawat serta meningkatkan tempoh tinggal dan perbelanjaan mereka di negara ini.

Kedua, pengukuhan rantaian nilai industri pelancongan secara bersepadu.

Kementerian terus memperkukuh kerjasama antara pengusaha perhotelan, ejen pelancongan, pengendali perkhidmatan pelancongan serta komuniti tempatan bagi menghasilkan pakej pelancongan yang lebih tersusun dan bernilai tinggi. Pendekatan ini memastikan lebih banyak sektor ekonomi tempatan dapat mengambil bahagian dalam rantaian nilai pelancongan. Sebagai contoh, Sesi Jaringan Perniagaan Bersama Ejen Pelancongan, Penyedia Perkhidmatan Pelancongan dan Pengurus Acara telah diadakan di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, yang berjaya menghasilkan pakej-pakej kerjasama di bawah Kenali Negara Kitani (KNK) melalui kolaborasi antara pengusaha pelancongan, penyedia perkhidmatan pelancongan dan Majlis Perundingan Kampong. Sesi ini juga meningkatkan kesedaran mengenai produk dan perkhidmatan pelancongan tempatan serta membuka peluang kerjasama yang lebih luas dalam memperkukuh ekosistem pelancongan negara.

Ketiga, pendigitalan dan penyesuaian model perniagaan industri pelancongan.

Memandangkan semakin ramai pelawat merancang perjalanan secara sendiri, pengusaha industri digalakkan untuk mengguna pakai platform tempahan dalam talian serta pemasaran digital melalui saluran *Online Travel Agencies* seperti *CTrip*, *Agoda* dan *Klook*, bagi meningkatkan visibility produk pelancongan Brunei di peringkat serantau.

Sebagai usaha meningkatkan tarikan produk-produk pelancongan yang ditawarkan, Kementerian telah menyediakan direktori pelancongan di atas talian *Explore Brunei* yang menghimpunkan lebih daripada 700 produk dan aktiviti pelancongan, sekali gus memudahkan pelawat mendapatkan maklumat mengenai pengalaman pelancongan yang ditawarkan oleh pengusaha tempatan.

Kementerian juga telah melaksanakan program peningkatan keusahawanan dan jaringan strategik B2B. Setakat ini, seramai 17 Pengendali Perkhidmatan Pelancongan berdaftar telah menyertai program keusahawanan tersebut, manakala dua inisiatif jaringan B2B pada tahun 2025 telah menghimpunkan pemain industri yang berkaitan. Sesi pendigitalan pelancongan pada 29 Oktober 2025 pula telah menghimpunkan 62 peserta daripada 37 organisasi yang terdiri daripada pemain industri merangkumi pengusaha perhotelan, ejen pelancongan, pengendali perkhidmatan pelancongan serta komuniti tempatan yang menunjukkan tahap kesediaan pengusaha untuk menggunakan pemasaran digital dan sistem tempahan dalam talian bagi meluaskan jangkauan pasaran mereka.

Di samping itu, Kementerian juga bekerjasama rapat dengan sektor swasta melalui *Brunei Darussalam Tourism Industry Working Group*, yang berperanan sebagai platform penyelarasan strategik bagi meneliti penambahbaikan infrastruktur, pengalaman ketibaan pelawat serta langkah meningkatkan daya saing destinasi.

Kesemua inisiatif ini dilaksanakan dengan matlamat untuk memastikan sektor pelancongan negara bukan sahaja menyesuaikan diri dengan perubahan struktur ketibaan pelawat, malah mampu meningkatkan nilai ekonomi pelancongan, selaras dengan sasaran negara untuk mencapai sekitar 1 juta ketibaan pelancong dan pendapatan pelancongan sebanyak \$675 juta menjelang tahun 2029.

No. Soalan: PL157

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERTHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE**

TARIKH : **17.03.2026 [SELASA]**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah individu yang mengakses perkhidmatan psikiatri, psikologi klinikal dan kesihatan mental berasaskan komuniti pada tahun 2025? Apakah langkah bagi memperluas kapasiti diagnostik dan penilaian, seperti penglibatan klinik swasta yang diiktiraf?

JAWAPAN:

Pada tahun 2025, jumlah individu yang mengakses perkhidmatan kesihatan mental adalah seperti berikut:

- Bahagian Psikiatri Dewasa: 11,117 orang, terdiri daripada 984 kes baharu dan 10,133 kes susulan.
- Bahagian Kesihatan Mental Kanak-Kanak dan Remaja: 920 orang, terdiri daripada 168 kes baharu dan 752 kes susulan.
- Bahagian Psikologi Masyarakat: 1,605 orang.
- Unit Psikologi Klinikal: 3,342 orang.

Angka ini menunjukkan peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan psikiatri, psikologi dan kesihatan mental berasaskan komuniti di seluruh negara.

Bagi memperluas kapasiti diagnostik dan penilaian, Kementerian Kesihatan menyokong pendekatan *Whole-of-Nation*, di mana klinik swasta yang diiktiraf menjadi rakan strategik dalam memastikan akses kepada penilaian dan rawatan yang lebih pantas dan tepat.

Langkah-langkah yang sedang dilaksanakan termasuk:

- Pertama, kerjasama kolaboratif – penilaian awal yang dijalankan di klinik swasta yang diiktiraf akan diselaraskan dengan sistem rujukan hospital kerajaan. Pendekatan ini membantu mengurangkan pertindihan proses dan mempercepatkan intervensi pakar.
- Kedua, latihan saringan kesihatan mental – diberikan kepada doktor perubatan am di sektor swasta supaya mereka dapat menjalankan penilaian awal serta mengurus kes-kes ringan dengan lebih efisien.

Bagi menjamin keselamatan pesakit dan integriti perkhidmatan, semua pengamal dan fasiliti swasta yang terlibat mestilah berdaftar dengan badan pengawal selia yang berkenaan, iaitu Lembaga Perubatan Brunei (BMB) bagi doktor dan pakar psikiatri, serta Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Brunei Darussalam (AHPCBD) bagi psikologis klinikal dan psikologis.

Pendekatan ini memastikan setiap pengamal mendokong tahap profesionalisme, etika kerja dan kompetensi klinikal yang tinggi dalam memberikan rawatan kepada rakyat.

Insyallah, dengan kerjasama sektor awam dan swasta, kapasiti diagnostik dan penilaian kesihatan mental akan terus diperkukuh, demi memastikan rakyat mendapat akses rawatan yang lebih cepat, selamat dan berkesan.

No. Soalan: PL158

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERTHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE**

TARIKH : **17.03.2026 [SELASA]**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tahap kesiapsiagaan kementerian dalam menangani sebarang wabak virus seperti nipah dalam aspek pengesanan klinikal awal dan kesiapsiagaan hospital? Adakah maklumat kesiapsiagaan ini boleh dikongsikan kepada orang awam bagi meningkatkan ketelusan dan kefahaman awam?

JAWAPAN:

Kementerian Kesihatan melaksanakan penilaian risiko secara berterusan terhadap penyakit zoonotik seperti virus Nipah. Penilaian ini menggunakan alat standard yang selaras dengan amalan antarabangsa, mengambil kira situasi serantau, perkembangan global serta faktor risiko tempatan.

Kementerian juga sentiasa berhubung rapat dengan *WHO Country Office* dan rakan serantau bagi mendapatkan maklumat kemas kini mengenai perkembangan wabak di negara lain. Di peringkat dalaman, status semasa dan penilaian risiko dibentangkan secara berkala supaya kepimpinan dan agensi berkaitan sentiasa dimaklumkan.

Sebagai langkah proaktif, pada Januari 2026 Kementerian telah mengeluarkan kenyataan media berkaitan risiko pengenalan virus Nipah ke Brunei Darussalam, bagi memaklumkan orang ramai mengenai situasi semasa dan langkah berjaga-jaga yang perlu diambil.

Pelan tindak balas dikemaskini secara berterusan, berasaskan penilaian risiko, pengalaman lalu dan latihan simulasi. Langkah ini memastikan sistem sentiasa relevan dan bersedia sebelum berlakunya sesuatu kejadian.

Keupayaan teknikal negara merangkumi pengawasan klinikal dan sindromik untuk pengesanan awal kes mencurigakan, mekanisme notifikasi segera dan pengaktifan tindak balas kesihatan awam, kapasiti makmal untuk pengesanan dan rujukan, serta persediaan hospital termasuk ruang pengasingan dan protokol kawalan jangkitan.

Kementerian mengiktiraf bahawa penyakit zoonotik merupakan ancaman berterusan. Oleh itu, pendekatan *One Health* terus diperkukuh melalui *National Joint Taskforce*

for Zoonotic Diseases. Aktiviti terbaharu ialah bengkel *Zoonotic Disease Prioritisation* yang melibatkan sektor kesihatan manusia, kesihatan haiwan, alam sekitar dan keselamatan makanan, bagi memastikan keutamaan negara ditentukan secara berasaskan risiko.

Kementerian komited untuk berkongsi maklumat yang relevan kepada orang ramai, khususnya berkaitan tahap risiko dan langkah pencegahan, bagi meningkatkan kefahaman serta keyakinan awam.

Secara keseluruhan, melalui penilaian risiko berterusan, pengemaskinian pelan tindak balas dan pengukuhan pendekatan *One Health*, sistem kesihatan negara berada dalam keadaan bersedia untuk menghadapi sebarang ancaman zoonotik termasuk virus Nipah.

No. Soalan: PL010

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM**

TARIKH : **17.03.2026 [SELASA]**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan cabaran utama dalam proses semakan dan penggubalan akta-akta penting dan inisiatif Pejabat Peguam Negara dalam mempercepatkan proses semakan dan penggubalan ini? Apakah terdapat perancangan penambahbaikan contoh memanfaatkan tenaga graduan undang-undang melalui skim *apprenticeship* secara *project-based*?

JAWAPAN:

1. Cabaran Utama

Proses penggubalan amat bergantung kepada maklumat dasar yang lengkap, tepat dan konsisten daripada pegawai fokal Kementerian / Jabatan / badan berkanun.

Dalam pelaksanaan kerja tersebut, pegawai penggubalan undang-undang bekerjasama rapat dengan pegawai fokal di Kementerian, Jabatan Kerajaan dan badan berkanun untuk mendapatkan maklumat dasar yang lengkap, tepat dan konsisten bagi tujuan penggubalan dan semakan undang-undang selaras dengan objektif dasar Kerajaan, penelitian undang-undang sedia ada dan analisis undang-undang yang teliti.

Walau bagaimanapun, dalam sesetengah keadaan, arahan penggubalan yang diterima masih memerlukan penjelasan atau penghalusan lanjut. Oleh yang demikian, pegawai penggubalan perlu membuat penelitian tambahan bagi memperincikan hasrat dasar serta menjalankan penyelidikan lanjut, yang seterusnya boleh mempengaruhi tempoh penyediaan draf undang-undang.

Sebagai gambaran prestasi, pada tahun 2025 Bahagian Penggubalan Undang-Undang menerima 305 draf untuk diproses; 176 draf berjaya diselesaikan dalam tahun yang sama dan 67 draf masih belum selesai setakat akhir tahun. Secara kumulatif, 238 daripada 305 draf telah disiapkan, iaitu sekitar 78%, walaupun hanya dengan 12 pegawai penggubalan undang-undang yang pada masa yang sama, pegawai yang sama turut melaksanakan tugas semakan undang-undang secara berterusan, termasuk menyusun dan mengemas kini undang-undang yang telah diwartakan kedalam *Laws of Brunei*.

2. Inisiatif Mempercepatkan Proses — *Draft Legislation Database (DLD) & Legislation Electronic Drafting & Online (LEDO)*

Pejabat Peguam Negara mengekalkan prinsip bahawa penggubalan perundangan ialah satu proses kolaboratif antara Pejabat Peguam Negara dan Kementerian-Kementerian bagi memastikan undang-undang yang digubal komprehensif, jelas dan selaras dengan kepentingan Negara, tanpa menjejaskan kualiti.

Bagi memperkukuhkan kolaborasi dan pemantauan status staf secara lebih tersusun, Pejabat Peguam Negara dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri telah membangunkan *Draft Legislation Database (DLD)*, iaitu satu pangkalan data berpusat yang teratur dan sistematik untuk memantau status terkini setiap draf. Akses kepada pegawai fokal membolehkan tindakan susulan dibuat dengan lebih telus dan efisien dari kedua-dua pihak.

Bagi meningkatkan kecekapan penambahbaikan turut ditumpukan kepada:

1. Latihan khusus dan pembangunan profesional berterusan dalam analisis dasar, bahasa perundangan dan reka bentuk Perundangan;
2. Pengukuhan penyelarasan awal dengan Kementerian / Jabatan / badan berkanun supaya dasar difahami dengan jelas sebelum penggubalan dimulakan; dan
3. Penyediaan templat penggubalan yang seragam dan pengemasan proses semakan dalaman agar kerja penggubalan menjadi lebih konsisten dan cepat.

Di samping itu, Pejabat Peguam Negara akan melaksanakan Projek *Legislation Electronic Drafting & Online (LEDO)* sebagai inisiatif teknologi undang-undang untuk membantu penyediaan serta pengendalian kerja penggubalan dan semakan undang-undang dengan lebih cekap. Alhamdulillah, projek ini telah diluluskan bagi pemerolehan sistem dan kini dalam proses selanjutnya mengikut garis panduan pengurusan projek ICT yang berkuat kuasa.

3. “Skim apprenticeship” secara “project based”

Berkenaan cadangan, Pejabat Peguam Negara menegaskan bahawa penggubalan undang-undang ialah bidang profesional yang memerlukan latihan khusus dan pengalaman kerja yang lama dan mendalam; Walau bagaimanapun, Pejabat Peguam Negara memang mengambil graduan undang-undang dari semasa ke semasa mengikut keperluan perkhidmatan yang ditempatkan di Bahagian-Bahagian lain. Ini merupakan salah satu usaha penambahbaikan penting bagi mengukuhkan sumber tenaga manusia dan meningkatkan keupayaan Pejabat dalam melaksanakan kerja-kerja perundangannya.

No. Soalan: PL126

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERTHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**

TARIKH : **17.03.2026 [SELASA]**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pertimbangan kerajaan bagi melaksanakan program SkiPPA secara berkontrak bagi projek dengan skop kerja dan *deliverables* yang lebih jelas.

JAWAPAN:

Seperti sedia maklum, Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA) telah diperkenalkan pada bulan November 2024 sebagai satu inisiatif Kerajaan untuk menyediakan platform strategik bagi anak-anak tempatan memperoleh pengalaman kerja yang relevan selama 12 bulan. Melalui pengalaman ini, diharapkan mereka dapat membina asas kukuh untuk kerjaya masa depan.

Setakat ini, Kerajaan belum merancang untuk melanjutkan tempoh perantisan yang ditetapkan. Beberapa pertimbangan diambil kira, antaranya adalah untuk mengurangkan kebergantungan jangka panjang kepada perantis dan memastikan SkiPPA tidak dijadikan penyelesaian jangka panjang bagi keperluan operasi utama organisasi.

Di samping itu, Kerajaan juga mengakui bahawa terdapat beberapa Jabatan dan Kementerian yang memerlukan tenaga kerja dalam bidang khusus bagi melaksanakan projek-projek tertentu yang kritikal. Oleh itu, mana-mana Jabatan atau Kementerian yang mempunyai keperluan selepas tempoh perantisan 12 bulan boleh melaksanakan pengambilan melalui peruntukan kementerian masing-masing, sama ada secara berkontrak, site staff, atau kaedah lain yang bersesuaian.

Seiring dengan itu, Kerajaan sedang melaksanakan *manpower audit* bagi semua kementerian bagi menyelaraskan keperluan sumber manusia dengan fungsi utama kementerian masing-masing.

Sejajar dengan agenda transformasi Perkhidmatan Awam yang menekankan kecekapan, akauntabiliti, dan penyampaian perkhidmatan berimpak tinggi, Kerajaan akan terus memperkukuh perancangan dan pengurusan sumber manusia secara lebih strategik melalui optimisasi tenaga kerja (*manpower optimisation*) dan penyelarasan fungsi Jabatan.

No. Soalan: PL131

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**

TARIKH : **17.03.2026 [SELASA]**

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah penyelarasan data tamat permit kerja asing diselaraskan dengan data Pusat Pekerjaan Brunei dan Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP) bagi membolehkan perancangan latihan proaktif melalui platform seperti SkillPlus?

JAWAPAN:

Sukacita menjelaskan bahawa data berkaitan tenaga kerja yang diperolehi melalui Banci Majikan dan Pekerja yang dilaksanakan oleh Jabatan Buruh dan dikumpulkan melalui sistem *Online Business Reporting* (OBR) telah dimanfaatkan oleh Pejabat Perancangan Tenaga Manusia (PPTM) bagi tujuan analisis dan perancangan tenaga kerja.

Data ini antara lain digunakan untuk mengenal pasti keperluan tenaga kerja semasa, memantau komposisi tenaga kerja tempatan dan asing di sektor-sektor yang berkenaan dalam menyokong perancangan dasar negara yang berkaitan dengan penyetempatan pekerjaan (*localisation*) sekaligus digunakan untuk merancang intervensi latihan melalui pelbagai platform seperti *SkillPlus*, *Spin*, *Trade Skills* dan sebagainya.

No. Soalan: PL136

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF

TARIKH : 17.03.2026 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan keberkesanan perancangan dan tindakan terkini dalam menangani peningkatan pencari pekerjaan aktif daripada 11,917 pada Oktober 2024 kepada 14,120 pada Oktober 2025 direkod oleh Pusat Pekerjaan Brunei, terutamanya mengambilkira kebanyakannya berkelulusan dari institusi-institusi pengajian tinggi?

JAWAPAN:

Setakat 31 Disember 2025, jumlah pencari kerja aktif yang berdaftar di Pusat Pekerjaan Brunei (PPB), Jabatan Perdana Menteri ialah seramai 14,449 orang. Pada masa yang sama, sebanyak 5,480 jawatan kosong telah diiklankan melalui PPB, dan daripada jumlah tersebut, 3,102 jawatan (57 peratus) telah berjaya diisikan, yang mana ini menunjukkan kadar pengisian yang positif, dengan peningkatan sebanyak 23 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Perkembangan tersebut juga mencerminkan pergerakan pasaran buruh yang dinamik, namun, cabaran utama yang dikenal pasti adalah ketidakpadanan kemahiran (*skills mismatch*), ketidakselarasan antara jangkauan graduan dengan realiti permintaan industri, dan kesesuaian calon dengan keperluan jawatan.

PPB telah melaksanakan beberapa langkah strategik bagi menangani cabaran tersebut, termasuklah:

i. Memperkukuh aktiviti pemadanan dan pengambilan terus melalui acara kerjaya:

- PPB telah mempergiat pelaksanaan *Mini Recruitment Drive*, dengan peningkatan penyertaan daripada 11 syarikat dan agensi kerajaan pada tahun 2024 kepada 27 agensi pada tahun 2025. Melalui inisiatif ini, seramai 250 pencari kerja tempatan telah berjaya memperoleh penempatan pekerjaan sepanjang tahun 2025, yang mana mencerminkan

keberkesanan pendekatan pengambilan pekerja secara berfokus dan bersemuka.

- Selain itu, acara Jelajah Kerjaya telah dianjurkan di keempat-empat daerah dengan pencapaian yang memberangsangkan, antaranya:
 - 1,682 jawatan kosong telah ditawarkan di pelbagai sektor.
 - 415 jawatan telah berjaya diisikan.
 - Penyertaan seramai 15,080 orang pencari kerja, mencerminkan minat dan komitmen yang tinggi.
 - Penglibatan 90 buah syarikat dan 15 agensi kerajaan.
 - 443 sesi temuduga telah dijalankan secara langsung.
 - Pengisian aktiviti merangkumi sesi ceramah kerjaya bersama pihak industri, semakan CV secara langsung, sesi penerokaan laluan kerjaya (*career discovery*), serta perkongsian mengenai kemahiran masa hadapan yang diperlukan pasaran kerja.
- Inisiatif ini bukan sahaja memperluas akses kepada peluang pekerjaan, malah memperkukuh jaringan antara pencari kerja dan majikan secara lebih berfokus dan interaktif.
- Dalam pada itu, pendekatan ini juga mempercepatkan proses pertemuan terus antara majikan dan graduan, sekaligus mengurangkan tempoh pencarian kerja.

ii. **Intervensi *Upskilling* dan *Reskilling* melalui Program SkillsPlus**

- Bagi menangani ketidakpadanan kemahiran, sebanyak 22 kursus pendek baharu telah diperkenalkan dalam bidang kewangan, ICT, HSE, *Leadership and Management* serta Pengurusan Tenaga Manusia.
- Kursus ini dirangka berdasarkan permintaan industri dan jurang kemahiran yang dikenal pasti. PPB akan terus memperkenalkan kursus-kursus baharu yang dirangka berdasarkan permintaan industri, perubahan landskap pekerjaan dan jurang kemahiran yang dikenal pasti.
- Pendekatan ini membantu graduan meningkatkan kebolehpasaran serta menyesuaikan diri dengan sektor yang mempunyai permintaan tinggi.

iii. **Memperkukuh Program Persediaan Pekerjaan**

- Program ini diperkemas dengan modul yang dirangka mengikut kategori pencari kerja, termasuk graduan baharu. Penekanan diberikan kepada aspek-aspek kebolehkeraan, termasuk:
 - Kesedaran sendiri dan pembangunan kemahiran insaniah
 - Penulisan CV dan teknik temuduga yang berkesan

- Kemahiran komunikasi profesional
 - Disiplin dan etika kerja
 - Penyesuaian kepada budaya organisasi
- Pendekatan ini amat signifikan memandangkan sebahagian graduan baharu berdepan cabaran dalam proses peralihan daripada alam pengajian ke alam pekerjaan. Selain menyasarkan graduan baharu, program ini turut disesuaikan mengikut keperluan kumpulan sasaran lain, termasuk individu yang telah lama berada di luar pasaran kerja bagi memastikan intervensi yang dilaksanakan adalah lebih fokus, menyeluruh, relevan dan berimpak tinggi.

iv. **Memperkuh Hiring Pipelines dan Laluan Perantisan**

- PPB turut memperluas peluang perantisan melalui program perantisan i-Ready dan SkiPPA sebagai jambatan peralihan ke arah pekerjaan tetap. Data menunjukkan kadar penyerapan yang tinggi dalam skim perantisan, sekali gus menjadikannya pendekatan yang berkesan untuk membantu graduan memperoleh pengalaman industri sebelum dilantik ke jawatan tetap.
- Kerjasama bersama industri melalui *Manpower Industry Steering Committee* (MISC) juga diperkuh bagi:
 - Mengenalpasti sektor berpermintaan tinggi.
 - Menyelaraskan keperluan kompetensi, dan
 - Menggalakkan penyerapan graduan selepas latihan.

Dalam memastikan PPB terus relevan dan responsif terhadap pasaran buruh yang dinamik, beberapa langkah strategik telah dirancang, iaitu:

i. **Projek Pembangunan Sistem Baharu PPB**

- PPB merancang untuk membangun sistem aplikasi baharu yang memanfaatkan teknologi kecerdasan buatan serta automasi bagi memperkuh penyampaian perkhidmatan pasaran kerja.
- Sistem ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan ketepatan proses pepadanan pekerjaan, di samping membantu mengenal pasti jurang kemahiran, dan menyediakan cadangan pembangunan kompetensi yang bersesuaian kepada pencari kerja tempatan.
- Sistem baharu ini turut memberi manfaat kepada pihak majikan dan syarikat, khususnya dalam mempercepat proses pengambilan pekerja, meningkatkan ketepatan pemilihan calon yang memenuhi keperluan

jawatan, serta mengurangkan kebergantungan kepada proses saringan manual yang memakan masa yang panjang.

ii. Memperkukuh Kolaborasi bersama Industri

- Menyediakan *hiring pipeline* yang lebih tersusun melalui kerjasama strategik bersama pihak industri, termasuk memperbanyak peluang perantisan dan pelaksanaan program latihan berstruktur yang selaras dengan keperluan sebenar industri dan majikan, bagi memastikan kesinambungan laluan daripada latihan kepada penempatan pekerjaan.
- Memperkasa proses pengesahan dan pensejajaran kemahiran melalui penglibatan aktif industri dalam penetapan kompetensi, penilaian prestasi perantis, dan penyelarasan kandungan latihan agar selari dengan permintaan pasaran kerja semasa.

Pendekatan menyeluruh ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan bukan sahaja dalam memudahcara peluang pekerjaan, tetapi juga dalam memperkukuh kecekapan pasaran buruh, meningkatkan kebolehterajaan tenaga kerja tempatan, serta mendukung keperluan majikan secara lebih strategik dan berimpak.

No. Soalan: PL143

PERTANYAAN : LISAN**DARIPADA : YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF****TARIKH : 17.03.2026 [SELASA]****SOALAN:**

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan strategi kementerian dalam memantapkan sektor pelancongan khususnya bagi memastikan profil pelancongan negara lebih tersohor di peringkat antarabangsa dan merancang lagi kepelbagaian ekonomi negara.

JAWAPAN:

Dalam usaha memperkukuh kedudukan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pilihan utama, Kementerian melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan terus komited memacu pembangunan sektor pelancongan melalui pengukuhan daya saing produk berasaskan Budaya, Alam Semulajadi, dan Kembara (*Culture, Nature and Adventure*). Sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi yang dinamik, strategi ini turut diperkukuh melalui kepelbagaian produk pelancongan khusus, seperti *Sports tourism, Medical Tourism, Educational Tourism* dan *Islamic tourism*.

Strategi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam memantapkan sektor pelancongan negara adalah berteraskan pendekatan menyeluruh yang memberi tumpuan kepada pengukuhan penjenamaan destinasi, peluasan pasaran antarabangsa, pembangunan produk pelancongan bernilai tinggi serta pengukuhan kerjasama strategik dengan pemain industri, selaras dengan usaha memperkukuh kepelbagaian ekonomi negara.

Bagi memperkukuhkan profil destinasi, Kementerian akan secara lebih aktif dan agresif melaksanakan agenda promosi dan pemasaran Brunei Darussalam melalui kempen pengiklanan strategik berimpak luas dengan pelbagai kaedah promosi seperti:

- iklan di akhbar dan news outlet antarabangsa;
- penyertaan ekspo,
- menggunakan khidmat marketing consultant;
- menggunakan pelbagai platform media sosial;

- bekerjasama dengan pengengaruh media sosial; dan
- serta pemasaran digital; dalam mempromosikan Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan yang menarik.

Dalam memperkukuh kerjasama strategik bagi peluasan pasaran antarabangsa, di peringkat global, keberadaan Brunei diperluas melalui penyertaan strategik dalam ekspo antarabangsa dan sesi jaringan perniagaan di pasaran utama seperti Dubai, Sydney, Jepun, Korea Selatan, Shanghai dan Taiwan bagi meneroka peluang kerjasama yang lebih dinamik. Seterusnya, bagi tahun 2026, 6 pasaran sasaran baharu juga telah dikenalpasti untuk mempromosi dan menarik pelancong ke negara ini, termasuk Germany, Italy, France, Spain, Canada, USA dan Timur Tengah.

Jabatan Kemajuan Pelancongan akan melantik wakil pemasaran di luar negeri bagi memperkukuh keberkesanan promosi tradisional dan digital, khususnya di pasaran dinamik seperti China, Korea, dan Jepun. Inisiatif ini bertujuan mengatasi kekangan komunikasi serta akses terhadap platform digital tempatan yang bersifat *geo-locked* seperti *Douyin*, *Naver*, dan *WeChat*.

Selari dengan usaha tersebut, Jabatan juga dalam proses mendapatkan khidmat konsultasi pemasaran. Langkah ini bertujuan merangka strategi komprehensif yang bukan sahaja memfokuskan kepada pasaran sedia ada, malah meneroka potensi pasaran jarak jauh (*long-haul market*) termasuk Timur Tengah, Amerika, dan Eropah bagi memastikan daya saing global yang mampan.

Selain itu, Kementerian bakal melaksanakan inisiatif Tahun Melawat Brunei 2027 (*Visit Brunei Year 2027*) sebagai agenda nasional utama dan promosi khas yang akan menyokong usaha memperluaskan lagi pasaran antarabangsa. Inisiatif ini dilaksanakan bersempena Sambutan Jubli Intan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaiki takhta ke 60 tahun. Sebagai langkah awal yang proaktif, fasa pelaksanaan Pra-Pelancaran VBY 2027 dijadualkan bermula pada suku kedua tahun ini, bagi memastikan kesiapsiagaan infrastruktur dan pemasaran dalam memposisikan Brunei sebagai destinasi utama bersempena sambutan gilang-gemilang tersebut.

Dalam hubungan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turut menyambut baik inisiatif Tahun Melawat Brunei 2027 yang bertepatan dengan Sambutan Jubli Intan Kebawah Duli Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki takhta sebagai satu pemangkin strategik bagi merealisasikan hasrat tersebut. Justeru, pelaksanaannya menuntut pendekatan yang tersusun, penyampaian yang berkesan serta komitmen padu

daripada semua pihak agar inisiatif ini benar-benar mencerminkan aspirasi negara dan menjunjung titah Baginda.

Seterusnya, bagi memperkukuh ekosistem pelancongan digital, sebanyak 700 aktiviti dan produk telah diintergrasikan kedalam direktori produk pelancongan melalui portal www.explorebrunei.gov.bn. Produk-produk ini dikategorikan mengikut segmen khusus seperti Budaya dan Warisan, Alam Semulajadi, serta Pengembaraan bagi memenuhi pasaran yang pelbagai.

Melalui pemasaran digital dan promosi berasaskan data, sejak tahun 2024 hingga 2025, kempen digital pelancongan negara telah menjangkau kira-kira 41 juta paparan di pelbagai platform digital, termasuk media social seperti *Instagram* dan *Facebook* serta kira-kira 700 ribu paparan di rangkaian pengiklanan global seperti *YouTube* dan *Google Display Network* di pasaran serantau dan antarabangsa, sekaligus meningkatkan kesedaran mengenai Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan yang unik dan eksklusif.

Sejak 2024 hingga 2025, sebanyak 31 influencer antarabangsa yang telah dijemput menghasilkan lebih dari 34 juta paparan manakala kerjasama dengan *Online Travel Agencies (OTA)* telah menjana lebih dari 16 juta paparan yang turut membantu memperluaskan visibility di pasaran global dan menarik minat pelawat antarabangsa.

Kementerian juga terus komited meningkatkan daya saing industri menerusi *Program Service Providers Enhancement* serta Bengkel Pembangunan Pakej Pelancongan. Inisiatif ini bertujuan untuk mempelbagaikan varieti produk pelancongan sedia ada di samping memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan menepati piawaian antarabangsa.

Di samping itu, Kementerian akan terus memperkasa kecemerlangan perkhidmatan dan standard industri menerusi penawaran 7 jenis kursus pembangunan kapasiti yang merangkumi bidang pengkhususan seperti birdwatching, kursus kemahiran bagi *frontliners*, *story-telling*, program keusahawanan dan lain-lain. Strategi ini diperkukuh dengan pelaksanaan 12 siri taklimat di institusi pendidikan bagi membina rangkaian bakat pelancongan dalam kalangan generasi akan datang.

Selain itu, usaha memperkasa profesionalisme tenaga kerja terus dipergiat melalui pewujudan 14 kompetensi dan laluan kerjaya di bawah seliaan *Manpower Industry Steering Committee for Hospitality and Tourism (MIHS-HT)*.

Menyentuh mengenai perkembangan sektor pelancongan, jumlah ketibaan pelancong antarabangsa ke Negara Brunei Darussalam pada tahun 2025 telah mencatatkan sekitar 763 ribu pelancong, yang menunjukkan peningkatan sekitar 13% berbanding pencapaian tahun 2024. Peningkatan ini disumbangkan oleh

pecahan kemasukan pelancong melalui darat, udara, dan laut, masing-masing meningkat sekitar 14%, 7%, dan 46%, yang mana peningkatan yang ketara adalah kedatangan pelancong melalui *cruise ship* atau kapal persiaran.

Dalam usaha mempromosikan negara kita sebagai destinasi budaya yang unggul, setiap ketibaan kapal-kapal persiaran diraikan dengan tarian tradisi, gulingtangan, dan hadrah. Inisiatif ini bukan sekadar satu sambutan, malah merupakan langkah strategik untuk memberikan impak yang mendalam bagi mempamerkan kekayaan warisan budaya negara kepada pelancong antarabangsa. Pada tahun 2025, sejumlah 15 kapal persiaran telah berlabuh, dan jumlah ini diunjurkan meningkat kepada 32 buah kapal pada tahun 2026. Setakat bulan Mac ini, sebanyak 11 buah kapal persiaran telah berkunjung ke Negara ini.

Pada masa ini, sebanyak 62 ejen pelancongan telah berdaftar dan berlesen secara rasmi di bawah Jabatan Kemajuan Pelancongan. Daripada jumlah tersebut, seramai 31 ejen pelancongan yang aktif melaksanakan aktiviti pelancongan inbound iaitu membawa pelancong masuk ke Negara Brunei Darussalam melalui udara dan kapal persiaran. Ini adalah peningkatan sekitar 210% berbanding dengan hanya 10 ejen pelancongan yang aktif '*inbound*' pada tahun 2022, iaitu 3 tahun lalu. Bagi mengoptimumkan potensi ekonomi sektor ini, Kementerian menggesa penglibatan yang lebih menyeluruh dan aktif daripada komuniti ejen pelancongan untuk melaksana strategi *inbound* bagi meningkatkan perbelanjaan pelancong di dalam negara, sekaligus memberikan sumbangan signifikan kepada KDNK serta mengukuhkan imbalan pembayaran melalui pengurangan aliran keluar mata wang negara.

Selain itu, projek-projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) dan projek *Public Private Partnership (PPP)* juga telah dilaksanakan bagi menyediakan dan menambah baik infrastruktur-infrastruktur khususnya di destinasi-destinasi pelancongan di Negara ini seperti menaik taraf kemudahan-kemudahan awam serta membina titian / jambatan; Projek Pemasangan Papan-Papan Tanda Arah dan Maklumat; dan projek *Public Private Partnership (PPP)* bagi tapak gazet di bawah Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Di samping itu, Kementerian juga memberi penekanan kepada pembangunan segmen pelancongan bernilai tinggi seperti MICE (*Meetings, Incentives, Conferences and Exhibitions*), acara-acara, pameran dan festival yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan dan swasta, antaranya seperti *Brunei Startup Summit*, *ASEAN Universities Network (AUN) Summer Camp* yang dikendalikan oleh UBD, dan Borneo Customs Show. Ianya memainkan peranan penting dalam mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan, sekali gus membantu meningkatkan keterlihatan destinasi serta menarik kedatangan pelawat ke negara ini. Sebagai contoh, penganjuran *Brunei Mid-Year Conference and Exhibition 2025* telah menarik

sekitar 1,500 peserta termasuk lebih 100 peserta antarabangsa, sekali gus menyumbang kepada peningkatan aktiviti ekonomi dalam sektor perhotelan, makanan dan perkhidmatan.

Melalui pendekatan bersepadu ini, Kementerian berhasrat untuk terus meningkatkan profil Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan yang selamat, eksklusif, hijau dan autentik, sekali gus memastikan sektor pelancongan dapat memainkan peranan yang lebih signifikan dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kepelbagaian ekonomi negara.